



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
Portal : www.kpkt.gov.my
E-mel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (62)

Tarikh : 1 Oktober 2013

SIARAN MEDIA

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KEPAYAN RIDGE MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN HIDUP RAKYAT

Kota Kinabalu, 1 Oktober 2013 – Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Program Perumahan Rakyat Kepayan Ridge. Beliau diiringi oleh Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke lokasi pada pagi ini.

PPR Kepayan Ridge ini adalah salah satu projek daripada 45 projek yang diluluskan di bawah Belanjawan 2013. Tapak yang dicadangkan merupakan tanas seluas 6.437 ekar yang dimiliki Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (LPPB) Sabah. Lokasi tapak adalah strategik sejauh 5.7 km daripada Pusat Bandar Kota Kinabalu.

PPR Kepayan Ridge telah diluluskan pelaksanaannya dengan kos sebanyak RM80 Juta. Projek ini akan dimulakan pembinaannya pada awal tahun 2013 dan disiapkan pada tahun 2017 yang mengambil tempoh pembinaan selama 36 bulan.

Walaupun tapak projek ini terletak di kawasan perumahan sedia ada dan telah dilengkapi dengan kemudahan awam dan asas, pembinaan PPR ini juga akan dilengkapi pelbagai kemudahan awam iaitu tadika, surau, dewan serbaguna, tempat letak kereta, pejabat pengurusan, taman permainan dan kawasan lapang. Keluasan sebuah unit rumah adalah sebanyak 700 kaki persegi dengan 3 bilik tidur, 2 bilik air, ruang tamu, ruang makan, dapur dan ruang jemuran kain.

Majlis pecah tanah pagi ini turut dihadiri oleh Ketua Menteri Sabah, Menteri-menteri Kabinet Negeri Sabah, Pegawai kanan Kerajaan Negeri Sabah, Pegawai Kanan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pemimpin masyarakat tempatan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my